

UUMONLINE: Universiti bukanlah semata-mata pusat untuk melahirkan tenaga manusia yang berkualiti, tetapi ia juga membentuk manusia yang mempunyai kesedaran dan rasa tanggungjawab nasional untuk membina masyarakat yang stabil, aman damai dan bersatu padu.

Pro Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Tun Ahmad Fairuz Datuk Sheikh Abdul Halim berkata, universiti dapat memberikan sumbangan terhadap perkembangan dan kemajuan tenaga manusia serta berusaha menggerakkan proses pembaharuan demi kemajuan negara bangsa.

Beliau berkata, pendidikan merupakan mekanisme penting dalam membina negara bangsa yang mempunyai acuan sendiri seperti yang diidamkan oleh pemimpin dan rakyat negara ini.

"Oleh itu, universiti berperanan sebagai gedung ilmu yang didalamnya penuh dengan khazanah ilmu yang tidak terhingga nilainya yang boleh digunakan sepanjang kehidupan kita.

"Dengan demikian, sesiapa yang berjaya ke tahap universiti, maka bererti ia telah berpeluang menerokai bidang ilmu yang amat luas dan kemudian akan keluar sebagai seorang ilmuwan yang mempunyai peranan untuk terlibat sama dalam proses membina, membangun dan memajukan negara bangsa," katanya ketika berucap dalam Majlis Konvokesyen Ke-23, Sidang Kedua, di sini, semalam.

Seramai 4,190 graduan akan menerima ijazah Majlis Konvokesyen Ke-23, Sidang Kedua yang berlangsung bermula 31 Oktober hingga 2 November 2010.

Mereka terdiri daripada seorang graduan Ijazah Kehormat, 52 graduan Ijazah Doktor Falsafah, tujuh graduan Doktor Pentadbiran Pemiagaan, 657 graduan Ijazah Sarjana, 2,906 graduan Ijazah Sarjana Muda dan 567 graduan Diploma Lulusan Ijazah (Diploma Pendidikan).

UUM juga menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Kerja Sosial) kepada Yang Teramat Mulia Tunku Panglima Besar Dato' Seri Tunku Puteri Intan Safinaz Binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Haji Abdul Halim Mu'adzam Shah sebagai menghargai jasa beliau dalam Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), aktif dalam kerja sosial dan kebajikan.

Tunku Intan Safinaz diberi anugerah kerana sumbangannya dalam pelbagai aktiviti kemasyarakatan termasuk, meningkatkan imej Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia dan Lembaga Kebajikan Perempuan Islam Malaysia (LKPIIM) dan Penaung Diraja kepada Langkawi Geopark.

Selain itu, Tunku Intan Safinaz juga adalah Komandan Askar Wataniah 513 dan memakai pangkat Brigedier Jeneral dan Pro-Canselor Universiti Pertahanan Malaysia. Sumbangan lain, Felo Diraja Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Paling istimewa pada konvokesyen pada tahun ini ialah Ketua Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia Yang Terhormat Bapak Marzuki Alie menerima Ijazah Doktor Falsafah (Pemasaran Politik dan Politik Kepartian Indonesia: Kajian Pemilihan Umum Tahun 2009 di Daerah Khusus Ibu Kota Jakarta) daripada universiti ini.

Ahmad Fairuz berkata, konsep negara bangsa adalah satu konsep di mana sesebuah negara yang berdaulat mempunyai rakyat hidup bersatu padu tanpa dipisahkan oleh ikatan-ikatan yang sempit, seperti kaum, keturunan, agama, bahasa, budaya dan sebagainya yang boleh membawa kepada perpecahan.

"Keupayaan membina negara bangsa bergantung kepada perkongsian nilai serta semangat patriotisme kerana bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad ada menyatakan bahawa "pembentukan bangsa melibatkan satu proses yang lama dan tidak boleh dicapai dalam jangka waktu dua atau tiga puluh tahun sahaja".

"Malahan, perpaduan yang wujud sekarang perlu dipertingkatkan lagi ke tahap yang lebih mantap dan kukuh supaya mampu menghadapi pelbagai tekanan dan cabaran tanpa mudah tergugat," katanya.

Sehubungan itu, Ahmad Fairuz berkata para graduan harus membina suatu tekad yang tinggi bahawa mereka dilahirkan ke dunia bukan untuk menjadi beban, tetapi menyumbang kepada pembinaan negara bangsa.

"Ini jelas kerana bangsa yang memiliki kekuatan ilmu dan kepakaran akan dapat meningkatkan imej sesuatu negara dan kita harus insaf bahawa hari ini dalam proses membina negara bangsa, berdepan dengan persaingan yang sengit.

"Para graduan adalah kelompok tenaga kerja yang dinamik dan memiliki daya juang yang hebat untuk memajukan diri, sekali gus memajukan negara," katanya.

Habis

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3013/3661/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my